 - Insurer and Reinsurer,
 - ISM Insurance Services Malaysia Bhd

- iii) Data subject (proposer) should be informed of his/her rights to obtain access to and to request correction of his/her personal data.

Notice: In accordance to the provision of the Personal Data Protection Act 2010, You may contact our Customer Contact Center for the details of Your personal data. Such information will only be granted after verification. You may update/correct the data by providing Us in writing.

COMMUNICABLE DISEASE EXCLUSION CLAUSE (LMA 5394)

1. Notwithstanding any provision to the contrary within this policy, this policy excludes any loss, damage, liability, claim, cost or expense of whatsoever nature, directly or indirectly caused by contributed to by, resulting from, arising out of, or in connection with a Communicable Disease or the fear or threat (whether actual or perceived) of a Communicable Disease regardless of any other cause or event contributing concurrently or in any other sequence thereto.
2. As used herein, a Communicable Disease mean any disease which can be transmitted by means of any substance or agent from any organism to another organism where :-
 - 2.1 the substance or agent includes, but is not limited to, a virus, bacterium, parasite or other organism or any variation thereof, whether deemed living or not, and
 - 2.2 the method of transmission, whether direct or indirect, includes but is not limited to, airborne transmission, bodily fluid transmission, transmission from or to any surface or object, solid, liquid or gas or between organisms, and
 - 2.3 the disease, substance or agent can cause or threaten damage to human health or human welfare or can cause threaten damage to, deterioration of, loss of value of, marketability of or loss of use of property.

(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The Whole of this Policy (with the document in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE

Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI

SETEM HASIL
TELAH
DIBAYAR

Ini adalah **Polisi Insurans Kemalangan Diri** anda. Sila baca dengan teliti dan jika tidak betul, sila kembalikan kepada kami untuk pengubahan.

Polisi ini termasuk dokumen ini dan Jadual.

Cadangan dan perisytiharan bertulis yang diserahkan oleh anda atau pencadang akan menjadi asas bagi kontrak insurans di bawah Polisi ini.

Kontrak Insurans Pengguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sebagai balasan kepada anda atau pencadang yang telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang dinyatakan di dalam Jadual, sekiranya didalam tempoh insurans anda mengalami **Kecederaan Anggota Badan** akibat **Kemalangan** dimana **kecederaan** berpunca semata-mata dan tidak bergantung pada apa-apa sebab lain menyebabkan kematian atau ketidakupayaan, kami akan membayar manfaat yang dinyatakan di dalam Polisi, tertakluk kepada Terma dan Pengecualian dan syarat-syarat berikut dan resit anda hendaklah dalam semua aspek menjadi pelepasan berkesan kepada kami.

Untuk tujuan Polisi ini, definisi berikut diguna pakai.

DEFINISI

KAMI	:	The Pacific Insurance Berhad
KAMU/ANDA	:	Orang yang diinsuranskan, atau perbadanan yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi di dalam Jadual
KEMALANGAN	:	Kejadian yang tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan.
KECEDERAAN/KECEDERAAN BADAN	:	Kecederaan dialami oleh orang yang diinsuranskan berpunca semata-mata dan secara langsung dari kemalangan dan tidak termasuk kecederaan akibat dari atau kesan dari penyakit, wabak atau keadaan kesihatan tidak terkawal.
JUMLAH POKOK YANG DIINSURANSKAN	:	Jumlah Asal, yang tercatat didalam Jadual, yang hendaklah diguna pakai sebagai bayaran peratusan daripada Manfaat.

MANFAAT

Peratusan Yang Akan Dibayar Jumlah Pokok Diinsuranskan			Peratusan Yang Akan Dibayar Jumlah Pokok Diinsuranskan		
1. KEMATIAN , jika berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar selepas tarikh kemalangan	100%	Hilang jari kelingking	- tiga falanks	4%	
			- dua falanks	3%	
			- satu falanks	2%	
2. HILANG UPAYA KEKAL , jika berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar selepas tarikh kemalangan:		Hilang metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan)	3%	
Lumpuh Sepenuhnya atau tidak siuman sepenuhnya atau kecederaan menyebabkan kekal terlantar.	100%		- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%	
Hilang menyeluruh akibat pemutusan fizikal atau hilang guna kekal dan tidak boleh pulih bagibahagian anggota badan yang disebut di bawah ini:		Hilang kaki	- satu atau kedua-duanya	100%	
Hilang lengan atau tangan di	100%	Hilang kaki di buku lali	- kedua-duanya	100%	
pergelangan tangan			- satu	50%	
Hilang ibu jari	25%	Hilang jari kaki	- semua	15%	
	10%		- ibu jari kaki, kedua-dua falanks	5%	
			- ibu jari kaki, satu falanks	2%	
			- selain dari ibu jari kaki, jika lebih dari		
Hilang jari telunjuk	10%				
	8%				

Hilang jari hantu	- satu falanks	4%	Hilang penglihatan	satu jari hilang, setiap satu	1%
	- tiga falanks	6%		- satu atau kedua-dua mata	100%
	- dua falanks	4%			
	- satu falanks	2%			
Hilang jari manis	- tiga falanks	5%	Hilang pendengaran	- kedua-dua telinga	75%
	- dua falanks	4%		- satu telinga	15%
	- satu falanks	2%			
			Hilang penglihatan kecuali peka cahaya pada satu mata		50%
			Hilang kanta pada satu mata		50%
			Hilang pertuturan sepenuhnya, iaitu, ketidakupayaan bertutur kekal sepenuhnya		50%

Peratusan pampasan yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Kekal yang tidak dinyatakan di dalam Manfaat di atas hendaklah ditentukan atas budi bicara mutlak kami.

3. (a) **HILANG UPAYA MENYELURUH SEMENTARA**, iaitu, sekiranya kecederaan itu dalam tempoh dua puluh hari selepas tarikh kemalangan menyebabkan hilang upaya sepenuhnya dan berterusan dan menghalang anda dari melibatkan atau mengurus dalam apa cara kepada perniagaan, pekerjaan atau profesion anda, kami akan membayar pampasan mingguan yang dinyatakan di dalam Jadual.

(b) **HILANG UPAYA SEPARA SEMENTARA**, iaitu, sekiranya kecederaan itu dalam tempoh dua puluh hari selepas tarikh kemalangan atau dengan segera berikutan tempoh hilang upaya sepenuhnya yang dilindungi bawah Manfaat 3(a) menyebabkan hilang upaya berterusan dan menghalang anda dari mengurus sebahagian besar urusan perniagaan, pekerjaan atau profesion tetap anda, kami akan membayar anda bagi tempoh yang hilang upaya separa yang berterusan itu, pampasan mingguan sehingga 50% daripada pampasan mingguan yang diberikan di bawah Manfaat 3(a).

4. **BELANJA PERUBATAN**: Sekiranya berlaku kecederaan yang menimbulkan tuntutan yang sah di bawah Polisi ini, kami akan, tertakluk kepada penyerahan Bil Perubatan yang asal, membayar balik kos sebenar perubatan, pembedahan dan belanja hospital yang perlu dan berpatutan yang ditanggung dan dilanjutkan sehingga jumlah tidak melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual bagi setiap kemalangan.

HAD KEPADA PEMBAYARAN MANFAAT

- Kami tidak akan membayar manfaat kecuali anda telah, dengan segera selepas mengalami kecederaan, memperolehi dan mematuhi nasihat perubatan yang berkenaan dari pengamal perubatan yang berkelayakan ijazah dalam Perubatan Barat, berlesen untuk mempraktikkan amalan perubatan.
- Jumlah agregat untuk semua bayaran peratusan dibawah Manfaat 1 dan 2 untuk mana-mana tempoh satu tahun Polisi hendaklah tidak melebihi 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan. Sekiranya kami telah membayar keseluruhan jumlah 100%, Polisi ini akan dibatalkan. Sekiranya kami telah membayar kerugian kurang daripada 100%, Jumlah Pokok Diinsuranskan akan dikurangkan oleh jumlah bayaran sehingga tamat tempoh polisi.
- Kami tidak akan membayar pampasan di bawah Manfaat 3 (a) dan 3 (b): -
 - berkenaan dengan mana-mana Orang yang Diinsuranskan untuk tempoh yang lebih lama daripada 104 minggu berkaitan dengan kecederaan, mengambil kira dari tarikh Orang Yang Diinsuranskan diperiksa oleh seorang pengamal perubatan yang berkelayakan;
 - sehingga jumlah keseluruhannya telah dipastikan dan dipersetujui.
- Sebarang bayaran dibawah Manfaat 3(a) dan (b) akan dikurangkan daripada jumlah yang perlu dibayar di bawah Manfaat 1 dan 2.

PERUNTUKAN KHUSUS

1. **PENDEDAHAN**

Manfaat yang dinyatakan akan dibayar sekiranya akibat sesuatu kemalangan, anda tidak boleh mengelak dari pendedahan kepada elemen-elemen semulajadi dan mengalami kematian atau ketidakupayaan.

2. **KEHILANGAN**

Sekiranya Pengambil Insurans hilang semasa insurans ini berkuatkuasa, dan badannya tidak dijumpai dalam tempoh satu tahun selepas kehilangannya dan bukti yang mencukupi dan memuaskan telah dikemukakan kepada Syarikat dan secara tidak dapat dielakkan telah membawa Syarikat kepada kesimpulan bahawa dia mengalami kecederaan badan melalui kemalangan dan kecederaan sedemikian telah mengakibatkan kematiannya, Syarikat akan membayar manfaat kematian yang telah diperuntukkan di bawah insurans ini dengan syarat bahawa orang atau orang-orang tersebut yang menerima jumlah sedemikian hendaklah menandatangani satu akujanji untuk memulangkan jumlah sedemikian kepada Syarikat sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tersebut didapati masih hidup kemudiannya.

3. **BELANJA PENGEBUMIAN ATAU PEMBAKARAN MAYAT**

Sekiranya anda mati akibat kemalangan, kami akan membayar kepada wakil diri yang sah jumlah sekaligus RM2,000 bagi belanja pengebumian atau pembakaran mayat.

4. **PENGUMPULAN**

Jika sebilangan orang yang diinsuranskan menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang sama, liabiliti kami membayar pampasan di bawah Polisi ini hendaklah terhad kepada jumlah yang diinsuranskan atau maksimum RM 3,000,000 yang mana lebih rendah, bagi Polisi tanpa had pengangkutan dinyatakan dalam jadual polisi; atau had pengangkutan yang dinyatakan dalam jadual polisi. Sekiranya agregat Jumlah Yang diinsuranskan di dalam perkhidmatan pengangkutan yang sama melebihi jumlah yang lebih rendah tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, kami akan menyelesaikan tuntutan orang diinsuranskan secara berkadar.

5. **KLAUSA MABUK AKIBAT ALKOHOL**

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi daripada kematian atau kecederaan badan disebabkan kemalangan kepada orang yang diinsuranskan akibat mabuk alkohol tetapi tidak termasuk liabiliti apabila orang sedang menunggang atau memandu dengan kadar alkohol dalam nafasnya, darah atau air kencing melebihi tahap yang ditetapkan oleh undang-undang.

Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.

6. **MENUNGGANG MOTOSIKAL**

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi orang yang diinsuranskan terhadap kematian atau ketidakupayaan seperti yang ditakrifkan, disebabkan oleh

kemalangan motosikal (sama ada sebagai penunggang atau pembonceng). Dengan syarat lanjutan ini tidak terpakai sekiranya orang yang diinsuranskan mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, perhimpunan, pertandingan, ujian kelajuan dan/atau ujian kebolehppercayaan.

7. **MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM**

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi orang yang diinsuranskan terhadap kematian atau ketidakupayaan yang ditakrifkan, disebabkan oleh mogok, rusuhan dan kekecohan awam dan perlanjutan ini tidak terpakai sekiranya orang yang diinsuranskan mengambil bahagian dalam apa-apa gangguan keamanan awam.

8. **PEMBUNUHAN DAN SERANGAN TANPA PROVOKASI**

Walau apa pun yang terkandung di dalam ini sebaliknya, adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini meliputi untuk melindungi risiko "Pembunuhan dan serangan tanpa provokasi.

9. **PENCULIKAN/RAMPASAN**

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kecederaan tubuh badan sebagaimana yang ditakrifkan daripada penculikan / rampasan atau apa-apa percubaan dan pendedahan yang terhasil daripadanya dengan syarat ia tidak secara langsung atau tidak langsung berlaku atau menyumbang kepada atau dapat dikesan oleh peperangan, tindakan serangan musuh asing (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) perang saudara, pemberontakan atau kuasa tentera merampas atau keganasan.

WARRANTI TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini ialah tiada perlindungan akan diberikan melainkan premium penuh telah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum tarikh bermula/berkuatkuasa polisi ini atau pengendorsan yang disertakan atau pembaharuan seterusnya.

PENGECUALIAN

1. Kami tidak akan membayar manfaat bagi sebarang kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat atau kesan daripada:

- perang, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, dahagi, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan atau penganasan;
- bahan senjata nuklear, bahan pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk pengecualian ini pembakaran hendaklah termasuk proses mampu diri lakuran nuklear;
- kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai hasil daripada Keganasan apabila tindakan dan / atau tindakan Keganasan melibatkan penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran walau bagaimanapun ini boleh diedarkan atau digabungkan;
- HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) dan/atau mutan yang diterbitkan atau jenis yang sama walau bagaimanapun penyakit dijangkiti;
- kecederaan membunuh diri sendiri yang disengajakan atau sebarang cubaan terhadapnya semasa siuman atau tidak siuman;
- penyakit yang dijangkiti secara seks, parasitik, bakteria atau jangkitan virus, sebarang penyakit, wabak atau keadaan perubatan tidak teratur atau sebarang kecacatan fizikal atau mental atau kerengsaan fizikal sedia ada, melahirkan anak, keguguran atau kehamilan atau apa-apa komplikasinya;
- kesan atau pengaruh dadah kecuali dadah tersebut diambil atas arahan pengamal perubatan

- anda terlibat atau mengambil bahagian dalam:
 - mana-mana polis, angkatan tentera, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau udara atau operasi pertahanan yang dirancang oleh Pihak Berkuasa Awam atau Tentera untuk menentang penjahat, pengganas atau elemen lain;
 - penerbangan atau aktiviti pesawat terbang lain, selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana jenis pesawat terbang biasa yang berlesen yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh Badan Pengangkutan Udara yang diiktirafkan yang menyediakan perkhidmatan udara yang berjadual melalui laluan yang ditetapkan;
 - sebarang aktiviti sukan profesional atau semi-profesional termasuk bersentuhan anggota badan;
 - bertinju, bergusti, sebarang seni mempertahankan diri, memburu, polo, lumba kuda berhalangan atau pertunjukan terjun, atau mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal, memanjat batuan, menggali lubang dan gua, terjun dengan payung terjun, meluncur gantung atau terjun bungee, meluncur ais atau sebarang jenis sukan musim sejuk, sukan air dan sebarang kegiatan dalam air yang menggunakan radas pernafasan, perlumbaan atau pertandingan, ujian kelajuan, ujian kebolehppercayaan atau sebarang jenis perlumbaan kecuali jalan kaki;
 - penggunaan sebarang jenis mesin perkayuan yang digerakkan oleh kuasa mekanikal atau pusingan bagi tujuan pekerjaan anda dan untuk ganjaran;
 - semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa aktiviti jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat, termasuk penentangan terhadap penangkapan dan menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah
- semasa perjalanan anda (sama ada sebagai pemandu, atendan atau penumpang) di dalam lori tangki dan/atau lori atau trak yang digunakan untuk membawa kayu balak dan/atau batang kayu.

2. Polisi ini tidak melindungi sesiapa di bawah umur enam belas tahun atau lebih dari tujuh puluh tahun.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. **PATUH DENGAN TERMA POLISI**

Anda hendaklah meneliti, memenuhi dan mematuhi dengan kesemua terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini sebelum kami bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada anda.

2. **SALAH NYATAAN/PENIPUAN**

Kami berhak untuk tidak membayar manfaat dan/atau menamatkan Polisi ini sekiranya:

- mana-mana kenyataan yang diberikan di dalam cadangan dan perisytiharan anda tidak benar atau sekiranya anda dengan sengaja telah salah nyata, silap nyata, menyekat atau meninggalkan fakta kenyataan;
- sebarang tuntutan palsu yang dibuat atau ditokok tambah.

3. **PERUBAHAN RISIKO**

Anda hendaklah segera memberitahu secara bertulis kepada kami sekiranya berlaku mana-mana satu atau lebih kejadian berikut:

- sekiranya anda menukar pekerjaan atau profesion;
- sekiranya anda mengalami kecederaan, penyakit atau kecacatan fizikal dan/atau penyakit.

Dari penerimaan pemberitahuan anda, kami mungkin atau mungkin tidak memerlukan bayaran premium tambahan atau menamatkan Polisi menurut Syarat 7(b).

4. **PROSEDUR TUNTUTAN**

Sekiranya berlaku tuntutan:

- anda atau wakil diri yang sah hendaklah memberitahu kami dalam masa empat belas (14) hari selepas berlakunya kemalangan itu dan mengisi borang tuntutan kami dan melengkapkan dengan maklumat penuh yang mana kami mungkin perlu sewajarnya;

- (b) anda hendaklah memberi kami atas belanja anda, semua sijil perubahan dan lain-lain sijil serta bukti yang mana kami mungkin perlukan dalam penilaian tuntutan;
- (c) anda hendaklah membuat sebarang pemeriksaan perubahan yang mana kami mungkin perlukan dalam penilaian tuntutan, dan yang mana kami akan aturkan atas belanja kami, dan anda hendaklah hadir pada sebarang pemeriksaan dalam tempoh tersebut atau tempoh sebagaimana yang mungkin kami perlukan sewajarnya;
- (d) Kami berhak menerima laporan bedah siasat dan toksikologi mengenai orang yang diinsuranskan atas belanjanya sendiri. Notis akan diberikan kepada Kami:
 - i) sebelum pengasingan atau pembakaran mayat; atau
 - ii) jika inkues telah dijadualkan menyatakan masa dan tempat inkues tersebut

5. **PEMBAHARUAN**

Kami tidak terikat untuk memperbaharui Polisi ini atau menghantar sebarang notis untuk premium pembaharuan yang perlu dibayar.

6. **PEMBATALAN**

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami dan dengan syarat tiada tuntutan yang timbul dalam tempoh semasa insurans, kami akan mengembalikan sebarang premium bagi tempoh yang belum tamat dikira mengikut kadar jangka pendek kami.
- (b) Kami boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi tujuh (7) hari notis melalui Surat Berdaftar ke alamat terakhir yang dalam pengetahuan kami. Setelah pembatalan Polisi, kami akan mengembalikan bahagian premium yang sejajar dengan tempoh insurans yang belum tamat.

7. **PENIMBANG TARA**

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh anda dan kami. Jika tiada persetujuan keatas satu Penimbang Tara, maka dua Penimbang Tara hendaklah dilantik secara bertulis, seorang oleh anda dan seorang lagi oleh kami, dalam masa satu bulan kalendar dari tidak adanya persetujuan. Jika tiada persetujuan di antara Penimbang Tara, seorang Pengadil hendaklah dilantik oleh Penimbang Tara secara bertulis sebelum mendengar rujukan. Sebarang tindakan guaman yang diambil oleh Pemegang Polisi terhadap Syarikat keatas Polisi bagi apa saja sebab hanya boleh dibuat selepas suatu Tawaran oleh Penimbang Tara dan/atau Pengadil.

8. **PENOLAKAN**

Jika kami menafikan liabiliti bagi sebarang tuntutan, anda hendaklah merujuk tuntutan kepada penimbang tara seperti yang diperuntukkan di bawah Syarat 8 dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian kami. Sekiranya anda tidak berbuat demikian maka tuntutan itu hendaklah bagi semua tujuan dianggap telah digugurkan dan hendaklah selepas itu tidak mendapatkan semula di bawah Polisi ini.

9. **KLAUSA KEWAJIPAN PENDEDAHAN**

A. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan Anda, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

10. **HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN**

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan endedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan Perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Fasal dan Pengendorsan berikut hendaklah diguna pakai kepada Polisi ini sekiranya dinyatakan di dalam Jadual.

P19 – PENGENDORSAN PERLUASAN RISIKO PERKAYUAN

Dengan syarat pembayaran premium tambahan oleh anda kepada kami, Pengecualian 7(e) Polisi ini dianggap sebagai batal. Tertakluk melainkan kepada terma Polisi ini.

P20 – PENGENDORSAN PERLUASAN PENERBANGAN TIDAK BERJADUAL

Dengan syarat pembayaran premium tambahan oleh anda kepada kami, kami akan membayar manfaat sekiranya anda mengalami kecederaan mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa anda dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat terbang jenis biasa dan berlesen tidak kira sama ada pesawat terbang tersebut dimiliki atau dikendalikan oleh Badan Pengangkutan Udara yang diiktiraf. Perluasan ini tidak diguna pakai sekiranya anda terlibat dalam memandu atau operasi teknikal pesawat terbang.

Tertakluk melainkan kepada terma Polisi ini.

P21 – PENGENDORSAN PERLUASAN MEMBURU

Dengan syarat pembayaran premium tambahan oleh anda kepada kami, kami akan membayar manfaat sekiranya anda mengalami kecederaan mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa anda terlibat dalam memburu (babi hutan, dan/atau permainan kecil) didalam had wilayah Malaysia sebagai rekreasi sekali-sekala untuk tempoh yang pendek dan tidak sebagai profesional yang berkenaan ekspedisi memburu yang terancang.

Tertakluk melainkan kepada terma Polisi ini.

P22 – PENGENDORSAN PERLUASAN SENI MEMPERTAHAKAN DIRI

Dengan syarat pembayaran premium tambahan oleh anda kepada kami, kami akan membayar manfaat sekiranya anda mengalami kecederaan mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa anda terlibat atau mengambil bahagian dalam tinju, gusti atau sebarang

bentuk seni mempertahankan diri sebagai rekreasi sekali-sekala dan tidak sebagai peserta dalam apa-apa pertandingan atau peraduan.

Tertakluk melainkan kepada terma Polisi ini.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana diuraikan di bawah:

- i. Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- ii. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan professional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans,
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad
- iii. Subjek Data (pencadang) hendak dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
2. Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :
 - 2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - 2.2 Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - 2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca polisi ini dan sayat-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.